

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)34

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

34. Bilakah Fasa Dua projek Gurney Bay akan siap dibina?
- (a) Berapakah tempat letak kereta, tempat letak motosikal, gerai makanan penjaja, tandas, kiosk dan tapak perniagaan komersial yang akan disediakan dalam Fasa Dua Gurney Bay?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

34. Pemajuan Gurney Bay adalah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menyediakan kawasan Taman Rekreasi Awam kepada orang ramai. Projek Pembangunan Gurney Bay ini dilaksanakan secara berfasa iaitu Fasa 1 dan Fasa 2. Kerajaan Negeri telah melantik Syarikat Teto Engineering Sdn. Bhd. sebagai kontraktor utama bagi melaksanakan projek ini. Projek Gurney Bay Fasa 1 telah siap dan dibuka untuk kunjungan orang awam bermula pada 4 Februari 2024. Bagi Projek Gurney Bay Fasa 2 pula, ia dijangka akan siap dibina pada tahun 2025. Projek Gurney Bay ini akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, antaranya taman permainan, taman

untuk sukan luncur, ruang gerai penjaja, dek melihat sudut pandang selatan, tandas awam, Tempat Letak Kenderaan (TLK) bagi kereta, bas dan motosikal terbuka dan bertingkat.

- (a) Kemudahan-kemudahan yang akan disediakan dalam Projek Gurney Bay Fasa 2 adalah seperti berikut:
- (i) Tempat letak kereta - 736 petak;
 - (ii) Tempat letak bas - 12 petak;
 - (iii) Tempat letak motosikal - 176 petak;
 - (iv) Ruang gerai perniagaan - 134 unit *Food & Beverages*, 17 unit *Retails* & 3 unit *Kiosk*;
 - (v) Surau - 1 ruang; dan
 - (vi) Tandas - 7 ruang.